

# **PERUTUSAN KHAS TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK SEMPENA PERAYAAN HARI KRISMAS 2024 DAN SAMBUTAN TAHUN BAHARU 2025**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur, Salam Segulai Sejalai

## **PEMBUKAAN UCAPAN**

1. Pertama sekali, saya dan isteri ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada seluruh rakyat Sarawak terutamanya kepada yang menganuti agama Kristian di mana jua kalian berada dan juga Selamat Tahun Baharu 2025 yang bakal menjelang tiba.
2. Esok, 25 Disember 2024, seluruh umat Kristian di seluruh negara akan bersama-sama menyambut Hari Krismas bersama keluarga yang tersayang serta rakan taulan.
3. Pada perayaan yang disambut dengan penuh kegembiraan ini, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi syukur atas nikmat keamanan dan keharmonian yang kita kecapi di wilayah ibu pertiwi yang tercinta ini.
4. Perayaan Hari Natal atau Hari Krismas juga saatnya kita saling menyelami nilai berkasih sayang bersama keluarga dan sahabat handai, memohon pengampunan, dan mengukuhkan semangat persaudaraan yang tulus ikhlas antara kita.

## **PERPADUAN**

5. Pada kesempatan ini, setinggi penghargaan saya rakamkan kepada semua rakyat Sarawak yang kekal rukun dan terus bersatu hati dalam menjaga keharmonian yang kita bina sekian lamanya, sehingga Sarawak diabadikan sebagai sebuah wilayah yang aman dan makmur untuk semua tanpa mengira latar budaya dan bangsa.
6. Masyarakat Sarawak cukup terkenal seantero dunia dengan semangat perpaduan yang luar biasa, walaupun terdiri daripada pelbagai kaum, agama, dan budaya.
7. Dalam kontek kita di Sarawak, setiap perbezaan kehidupan, budaya dan kepercayaan, tidak seharusnya mengasingkan kita kerana rasa hormat dan meraikan perayaan daripada kaum lain akan membuat kita lebih menghargai serta memerlukan satu sama lain yang akan melahirkan sifat bantu-membantu dalam banyak perkara.
8. Konsep inklusiviti dalam kepelbagaian kaum inilah juga kekuatan masyarakat Sarawak yang menjurus kepada penerapan nilai ‘satu keluarga’.

9. Saya sentiasa percaya kita semua telah menjadi satu keluarga yang sentiasa menjaga kepentingan, kebijakan dan keperluan keluarga yang lain. InsyaAllah di atas sokongan rakyat Sarawak, kita akan kekal harmoni dengan menghormati budaya, cara hidup dan kepercayaan etnik lain.
10. Sehubungan dengan itu, mari kita memaknai peri pentingnya bersatu dalam menghadapi cabaran yang pelbagai dan meraikan perbezaan yang ada sebagai keindahan yang mengukuhkan hubungan antara kita.

## **KESELAMATAN**

11. Pada musim perayaan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada barisan pasukan keselamatan negara di Sarawak—termasuklah juga pasukan PDRM, ATM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam serta Unit Penguatkuasaan dan Keselamatan Sarawak dan lain-lain agensi yang terlibat —yang sentiasa bersiap siaga memastikan keterjaminan keselamatan dan kebijakan masyarakat terutama sekali apabila kita juga berdepan dengan musim Monsun Timur Laut pada ketika ini.

12. Umum memahami perihal keselamatan merupakan elemen penting yang utama bagi memastikan kestabilan sesebuah wilayah yang berdaulat.
13. Sebagai rakyat yang cintakan tanah air, kita semua mempunyai tugas dan peranan dalam mengekalkan keselamatan secara umum lebih-lebih lagi dalam kelompok masyarakat majmuk.
14. Justeru, kita semua perlu terus cakna dan berwaspada terhadap risiko-risiko ancaman seperti jenayah siber, penyebaran berita palsu, dan apa-apa tindakan yang boleh menggugat keharmonian masyarakat kita.
15. Janganlah pula kita sesekali memilih untuk bersikap ekstrim khususnya dalam melontarkan pendapat di dalam medium sosial media sebagai contoh, kerana ianya boleh mengundang ancaman, hasutan dan kerisauan dalam masyarakat.
16. Sikap dan perbuatan sedemikian jelas sekali tidak diterima dalam kalangan masyarakat Sarawak kerana ternyata ianya merugikan serta menyumbang kepada keruntuhan perpaduan dalam sosio budaya masyarakat majmuk di wilayah yang berdaulat ini.

## **PENDIDIKAN**

17. Dalam merencana masa depan yang lebih terjamin dan gemilang untuk Sarawak dan generasi penerus, agenda pendidikan yang berkualiti adalah kunci kepada melahirkan modal insan dan generasi yang akan menjadi pemimpin masa depan negeri kita.
  
  
  
18. Agenda pendidikan adalah penentu kepada keberhasilan kita di masa hadapan. Adalah penting untuk memastikan anak-anak kita berpeluang melanjutkan pengajian dan mengembangkan potensi mereka ke tahap yang optimal.
  
  
  
19. Kerajaan Sarawak dibawah pimpinan YAB Premier Sarawak sentiasa komited dan bertekad untuk memberi keutamaan kepada penyediaan pendidikan berkualiti kepada semua anak Sarawak.
  
  
  
20. Komitmen Kerajaan Sarawak dalam memperkasa agenda pendidikan amat tinggi dan yang terkini, melalui pelaksanaan dasar PSCD2030, ianya menyasarkan sistem pendidikan percuma kepada semua anak-anak Sarawak yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi milik kerajaan Sarawak secara percuma bermula tahun 2026.

21. Perkembangan teknologi moden kini membuka peluang baharu dalam sistem penyampaian pendidikan yang interaktif dan dinamik.
22. Oleh itu, saya percaya Kerajaan Sarawak juga berusaha gigih untuk merapat jurang transformasi digital khususnya dalam bidang pendidikan dan digunakan untuk memajukan masyarakat tanpa ada golongan yang keciciran, termasuk yang tinggal di kawasan pedalaman.
23. Hal ini amat penting kerana setiap anak Sarawak memiliki ruang untuk mengecapi kehidupan yang lebih baik melalui peluang transformasi digital di dalam aktiviti sehari-hari.
24. Kita juga mestilah bijak menggunakan teknologi ini supaya ia tidak menjelaskan nilai-nilai tradisi, budaya, dan moral yang kita junjung tinggi.
25. Ibu bapa berperanan penting dalam menanam serta membentuk nilai-nilai murni dalam diri anak-anak, agar mereka bukan sahaja cemerlang secara akademik tetapi juga memiliki sahsiah, peribadi, jati diri dan integriti yang tinggi.
26. Mengejar ilmu adalah satu cabaran besar yang perlu dihadapi oleh anak-anak kita sepanjang masa persekolahan. Setiap peringkat pendidikan

disertai dengan ujian dan peperiksaan yang menjadi penanda aras kepada pencapaian mereka.

27. Walaupun tekanan menghadapi peperiksaan boleh dirasakan berat oleh anak-anak, ia sebenarnya melatih mereka untuk menghadapi cabaran yang lebih besar di masa hadapan. Tekanan ini, jika diuruskan dengan baik, adalah sebahagian daripada proses pembentukan peribadi yang teguh dan berdaya saing.
28. Sehubungan itu, saya percaya keputusan kerajaan negeri untuk mengekalkan kepentingan peperiksaan pada peringkat tertentu adalah wajar dan tepat. Ia bertujuan mempersiapkan generasi muda agar lebih bersedia dan berkemampuan dalam menghadapi cabaran kehidupan dewasa yang lebih mencabar. Kita tidak mahu melahirkan masyarakat yang lemah atau tidak berdaya saing di masa hadapan.
29. Oleh itu, saya menyeru kepada ibu bapa, guru-guru, dan seluruh masyarakat agar terus memberikan sokongan penuh kepada anak-anak dalam proses pembelajaran mereka. Dengan asas pendidikan yang kukuh, kita mampu melahirkan generasi yang lebih cemerlang, berdikari, dan mampu membangun Sarawak ke arah kemajuan yang lebih gemilang.
30. Justeru, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua barisan pendidik yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi dan cemerlang, terutamanya guru-guru yang bertugas di bahagian pendalaman Sarawak mahupun di kawasan bandar, terutama sekali dalam menghadapi cabaran era pasca-pandemik yang amat getir dan memerlukan.

## **EKONOMI**

31. Saya juga bersyukur ke hadrat llahi kerana trend ekonomi Sarawak menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan, hasil daripada kerjasama antara kerajaan dan rakyat.
32. Sebagai wilayah yang kaya dengan sumber asli dan budaya, kita diamanahkan dengan tanggungjawab besar untuk memastikan pembangunan kita selaras dengan matlamat kemampanan.
33. Menerusi kaedah yang sesuai digunakan dalam menerokai bidang-bidang baharu, Sarawak kini terus menjadi peneraju dalam tenaga hijau yang disegani di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.
34. Jika dahulu ekonomi Sarawak berkembang melalui pusaran normal sektor-sektor pemacu pertumbuhan ekonomi seperti pelancongan, pertanian moden, perniagaan kecil dan sederhana serta lain-lain aktiviti ekonomi tradisional.
35. Namun kini melalui pelaksanaan dasar PCDS2030 setakat tahun 2023, ekonomi Sarawak terus melonjak dengan memacu rangsangan pertumbuhan ekonomi menerusi kemasukan pelaburan-pelaburan baharu terutamanya dalam sektor

perkilangan, pelancongan, kelestarian alam sekitar (perhutanan), pembinaan infrastruktur, utiliti, tenaga boleh diperbaharui serta dasar dan inisiatif yang memfokuskan kepada inovasi teknologi, dan industri bernilai tambah tinggi serta ekonomi berdasarkan pasaran eksport.

36. Pembangunan ini juga selari dengan sasaran PCDS 2030, yang bertujuan untuk menjadikan Sarawak sebuah wilayah maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2030.
37. Penerokaan terhadap sektor-sektor ekonomi baharu juga telah membawa impak positif serta meletakkan Sarawak sebagai rujukan serta menarik minat rakan kerjasama baharu dalam Malaysia, Asia dan juga negara-negara maju di seluruh dunia.
38. Kepelbagaian ekonomi (diversification) ini bukan sahaja akan memperkuuh ekonomi Sarawak, tetapi juga menjadikan ekonomi kita lebih berdaya tahan terhadap cabaran global.
39. Alhamdulillah, pada tahun ini, Sarawak sekali lagi telah diiktiraf oleh Bank Dunia sebagai ekonomi berpendapatan tinggi dengan GNI per kapita melebihi USD17,000.

40. Pencapaian ini mencerminkan Sarawak berada di landasan yang betul untuk menjadi wilayah yang lebih berdaya saing di peringkat nasional dan global.

41. Oleh itu, saya menyeru semua untuk terus bersatu dalam menyokong usaha ini agar Sarawak kekal sebagai wilayah yang maju, makmur, dan kompetitif di peringkat global.

## **ISU SEMASA**

42. Tahun 2024 telah memberikan peluang yang berharga dalam merealisasikan visi Post COVID-19 Development Strategy (PCDS) 2030, dengan langkah-langkah penting yang membawa kita lebih dekat kepada sebuah wilayah yang mampan, inklusif, dan progresif.

43. Semangat Krismas yang penuh dengan kasih sayang dan berteraskan konsep "Segulai Sejalai" juga mengingatkan kita akan nilai-nilai murni yang juga menjadi asas dalam pembangunan wilayah kita.

44. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh penjawat awam Negeri Sarawak atas dedikasi, kesungguhan, dan komitmen yang telah ditunjukkan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

45. Segala perancangan, program, visi dan misi yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak hanya dapat dicapai melalui kerjasama padu, sokongan yang tidak berbelah bahagi, serta tindakan yang cekap dan berkesan daripada penjawat awam. Kejayaan yang dikecapi oleh negeri ini adalah hasil usaha bersama dan semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam setiap lapisan perkhidmatan awam.
46. Sehubungan itu, saya mengucapkan tahniah kepada seluruh warga perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi cemerlang serta terus melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab dan integriti. Saya yakin bahawa dengan usaha berterusan dan semangat bekerja sebagai satu pasukan, Sarawak akan terus mencapai kemajuan yang lebih gemilang demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri yang kita cintai.
47. Bersama-sama, kita akan terus membina sebuah komuniti yang lebih sejahtera, dengan memberi fokus kepada kemajuan ekonomi, pendidikan, dan kelestarian alam sekitar—sesuai dengan matlamat PCDS 2030.
48. Seiring dengan aspirasi PCDS2030, marilah kita berganding bahu memastikan kesejahteraan Sarawak terus diberkati dan sentiasa dilindungi Tuhan Yang Maha Esa.

## **PENUTUP**

**49. Sempena musim perayaan Krismas ini, saya ingin menasihati semua yang akan pulang ke kampung halaman agar sentiasa mengutamakan keselamatan di jalan raya. Pandulah dengan berhati-hati dan amalkan pemanduan berhemah. Ingatlah bahawa keselamatan diri dan keluarga adalah keutamaan. “Biar lambat, asalkan selamat.”**

**50. Saya juga ingin menyeru kepada pemandu kenderaan komersial seperti lori dan bas agar mematuhi peraturan lalu lintas dan tidak memandu secara melulu. Hormatilah pengguna jalan raya yang lain dan elakkan sikap terburu-buru demi mengejar masa. Keselamatan bersama harus sentiasa menjadi keutamaan kita.**

**51. Pada musim yang penuh dengan kegembiraan ini juga, marilah kita merenung dan menghargai segala pencapaian yang telah kita capai bersama sepanjang tahun ini.**

**52. Selain itu, marilah kita menjaga kesejahteraan fizikal dan mental, memastikan kita mengutamakan kesihatan diri dan orang tersayang. Perayaan ini adalah masa untuk bersyukur dan berbagi kebahagiaan.**

**53. Semoga Krismas kali ini membawa kebahagiaan, kedamaian, dan keselamatan kepada kita semua. Sambutlah Krismas dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran, dan semoga tahun baru 2025 membawa lebih banyak rahmat dan kejayaan untuk**

menjadikan Sarawak sebuah wilayah yang bukan hanya maju, tetapi juga harmoni dan berdaya saing.

54. Akhir kata, saya dan isteri serta keluarga ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas dan Selamat Tahun Baharu 2025 kepada seluruh rakyat Sarawak.

Salam Sarawak Maju Makmur.

Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.